

Siswa anjur pemuda kaji Bangi cara terbuka

PMUKM telah menulis surat kepada Dato Musa Hitam, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menyatakan harapannya bahawa perjumpaan Pergerakan Pemuda Umno pada hari Ahad esok "dapat memandang" soal tanah simpan Bangi yang menjadi tapak Universiti Kebangsaan itu "se-cara terbuka dimana soal kebenaran dan keadilan mengatasi perkara-perkara lain."

Surat itu yang ditanda tangani oleh Encik Halim Arshat Yang Dipertua PMUKM dan Encik Abdul Rahman bin Rukaini, Setiausaha Agung PMUKM menyatakan lagi harapan bahawa "keputusan yang bijak dan adil akan tercapai" dalam perjumpaan Pergerakan Pemuda Umno itu.

Taklimat

Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan perjumpaan "taklimat khas" mengenai pembalakan tapak Universiti Kebangsaan di Bangi Ahad ini di Kelab Sultan Sulaiman.

Perjumpaan itu yang akan dimulakan pada pukul 2.30 petang ialah untuk memberi taklimat dan menjelaskan kedudukan yang sebenarnya kepada 250 orang Ketua Bahagian dan Ketua Pergerakan Negeri.

Encik Halim Arshat dalam suratnya kepada Dato' Musa Hitam menyatakan PMUKM "sangat tertarik hati" dengan kenyataan Dato' Musa yang tersiar dalam akhbar hari Khamis kelmarin yang mengatakan bahawa masalah Bangi yang telah ditimbulkan oleh PMUKM itu "adalah wujud oleh kerana di rasakan bahawa penyalahgunaan kuasa telah dilakukan oleh Dato' Menteri Besar Selangor yang telah memberikan permit kepada Syarikat Kerjasama Dengkel Berhad yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin."

Encik Halim menuduh Dato' Harun "cuba menyeret masuk beberapa orang dan golongan-golongan tertentu kedalam issue Bangi ini termasuklah Tun Perdana Menteri sendiri dan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia."

Menyatakan bahawa PMUKM "memang tidak

K. LUMPUR, Jum.

ada apa-apa niat untuk melibatkan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dalam hal ini," Encik Halim menegaskan bahawa Peratuannya menimbulkan soal itu menganggap penyelewengan telah berlaku dan kerana mereka menganggap "penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Dato' Harun itu "cuma menguntungkan segelintir manusia yang berkepentingan" dan "tidak memberikan faedah kepada masyarakat keseluruhannya."

Surat itu mengulangi sikap PMUKM bahawa cara pemberian permit kepada Syarikat Kerjasama Dengkel Berhad adalah "tidak wajar."

Encik Halim menegaskan "syarat-syarat yang termaktub didalam permit tersebut sudah terang-terang di langgar."

Pertama, Pekerja-pekerja Bumiputera telah

tidak digunakan didalam kerja-kerja pembalakan.

Kedua, Syarikat Kerjasama Dengkel Berhad telah mensub-kontrakan kepada pemborong lain dimana ini adalah melanggar syarat didalam permit tersebut yang tidak membolehkan permit itu dipajak kepada orang lain, lebih-lebih lagi permit yang telah diberikan kepada kaum Bumiputera tetapi telah disub-kontrakan kepada kaum bukan Bumiputera.

Berhak

Beliau mengatakan Syarikat Kerjasama Serbaguna Bangi "lebih berhak lagi kerana syarikat ini lebih awal lagi ditubuhkan dan terletak pula di Bangi sendiri."

Encik Halim juga mendakwa kerja-kerja membalak di Bangi telah mengecewakan Universiti Kebangsaan yang berkehendakkan hutan simpan Bangi itu di perkenalkan untuk kajian akademik di masa akan datang.

Polis hadiah \$10,000 untuk berkas 2 lelaki

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Polis Diraja Malaysia menawarkan hadiah \$10,000 kepada seseorang atau dibahagikan antara beberapa orang yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya dua orang lelaki, berketurunan Hakka.

Mereka ialah Choy Nam Kui @ Tsui Siu Peng dan Chan Sang @ Liew San Chiew @ Ah Wah.

Menurut kenyataan Polis Diraja Malaysia hari ini, Choy Nam Kui lahir di Bidor, Perak pada 17 Januari 1943 dan memegang kad pengenalan nombor 3669287.

Dia pernah tinggal di Sungai Lekok, New Village, Jerantut, Pahang.

Chan Sang pula lahir di Ipoh, Perak, pada 19 November 1951 dan memegang kad pengenalan nombor 4250266.

Matagelap

Dia pernah tinggal di 187, Kampung Merbau, New Village, Ayer Tawar, Sitiawan, Perak dan di Kampung Baru, New Village, Ipoh, Perak.



CHOY NAM KUI



CHAN SANG

Persada dialog PPJ B.

PONTIAN (Johor), Jumaat. — Peratuan Penulis dan Pendokong Sastra Daerah Pontian (PERSADA) hari ini menolak cadangan Jawa-Bangka Peratuan Penulis Jo-